



## Tempoh sebulan umum tarif baru NDWT

KUANTAN - Keputusan kadar tarif Terminal Laut Dalam Pelabuhan Kuantan (NDWT) akan dimuktamadkan dalam tempoh selewat-lewatnya satu bulan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, Lembaga Pelabuhan Kuantan sudah menyerahkan cadangan berhubung perkara itu.

Menurutnya, pertimbangan kadar tarif itu perlu dibuat secara terperinci.

"Pelbagai pertimbangan yang perlu kita ambil kira dalam menetapkan kadar antaranya kemudahan sedia ada selain pendapat pengguna pelabuhan.

"Tarif yang bakal kita umumkan itu sudah tentu berpatutan,

kompetitif dan tidak memberi kesan kepada kenaikan kos," katanya selepas mengadakan lawatan ke Fasa 1A NDWT di sini, semalam.

Jelasnya, pembinaan NDWT Fasa 1A membabitkan dermaga sepanjang satu kilometer (KM). Benteng serta pemecah ombak juga sudah mula beroperasi sebulan lalu.

"Setakat ini, syarikat pembuatan besi dan keluli, Alliance Steel (M) Sdn Bhd sudah menjalankan urusniaganya di sini," katanya.

Menyentuh mengenai mahu menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai Zone Perdagangan bebas, Siew Fook berkata, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sedang pertimbangkan permohonan terbabit.



Siew Fook mendengar taklimat mengenai operasi di NDWT ketika mengadakan lawatan di terminal itu, semalam.

"Kita akan beri sokongan kerana ia antara pelabuhan penting di kawasan industri yang sedang berkembang selain masih ada tanah boleh dibangunkan," katanya.

Beliau berkata, pelabuhan penting bagi menjana pembangunan ekonomi dan menjadi faktor penarik kepada pemain sektor industri.